

Budaya dan kehidupan setiap masyarakat amat berkaitan rapat dengan pengaruh alam demi kelangsungan hidup. Hubungan antara masyarakat dengan alam sekitar mengukuhkan pelbagai amalan dan praktis dalam kehidupan. Dalam kalangan masyarakat India, amalan dan cara hidup secara turun-temurun memperlihatkan pergantungan terhadap pelbagai unsur alam.

POHON KELAPA DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT INDIA

Tumbuh-tumbuhan misalnya, memberikan sumbangan dalam kehidupan golongan ini melalui dua aspek utama, iaitu fizikal dan juga spiritual. Sebagai contohnya, pohon kelapa mempunyai pengaruh yang kuat dalam budaya kehidupan masyarakat India. Dalam hal ini, sumbangan pohon kelapa bukan sahaja ketara dalam konteks makanan dan keperluan harian, tetapi juga mengungkap pelbagai nilai dan makna melalui amalan adat dan tradisi dalam mengukuhkan aspek kebudayaan dan juga keagamaan. Dalam hal ini, pohon kelapa juga digelar sebagai pohon seribu kegunaan.

Buah kelapa menjadi satu keperluan yang amat penting bagi masyarakat India. Secara tradisinya, masyarakat India gemar memasak kari dan lauk-pauk. Dalam hal ini, santan





Kelapa merupakan sesuatu yang suci bagi masyarakat India terutamanya dalam perihal keagamaan.

menjadi satu keperluan utama dalam meningkatkan kelazatan masakan. Begitu juga dengan penyediaan makanan tradisional, seperti *muruku*, *achimuruku* dan *omapudi*, yang popular sempena sambutan Deepavali.

Selain santan kelapa, kelapa parut digunakan untuk menghasilkan *chutney* sebagai cecah untuk *tosai* dan *idli*. Malah, kelapa parut juga mengiring *idiyappam*, iaitu putu mayam, selain digunakan dalam penyediaan *puttu*. Tambahan lagi, isi kelapa yang dipotong halus dalam bentuk kiub kecil juga menjadi inti pati dalam menyediakan *porulangga urundai* atau kuih batu.

Sesetengah masyarakat lama menghasilkan minyak kelapa daripada kelapa tua untuk pelbagai kegunaan. Selain untuk tujuan memasak, minyak kelapa juga digunakan untuk keperluan sembahyang, iaitu bagi menyalakan lampu *kaamaatchi amman* di rumah. Hampas kelapa parut yang telah digunakan tidak dibuang, tetapi dibersihkan dan dicampurkan dengan pewarna dan dikeringkan. Hampas kelapa tersebut kemudiannya dijadikan bahan untuk menghasilkan *kolam* yang berwarna-warni. *Kolam* menjadi penyeri musim perayaan selain sewaktu upacara dan adat istiadat tertentu.

Kelapa juga dianggap sesuatu yang suci dari sudut keagamaan sehinggakan semua upacara adat dan keagamaan dimulakan dengan upacara pembelahan kelapa sebagai penghormatan pertama kepada Dewa Vinayagar yang juga disebut sebagai *Ganapathi* atau *Ganasha*. Memandangkan

Dewa Vinayagar merupakan Tuhan penghalang musibah, maka pembelahan kelapa dilakukan dengan doa agar perjalanan upacara atau majlis yang dilakukan diberkati dan dapat disempurnakan tanpa masalah.

Tanpa mengira sama ada upacara sembahyang utama yang diadakan di rumah atau kuil, upacara keagamaan tetap dimulakan dengan pembelahan kelapa. Begitu juga sifatnya dengan pelbagai agenda lain, seperti majlis menamakan anak, majlis pertunangan, majlis perkahwinan mahupun upacara berhubung kematian, iaitu *Ettan Dukom* (hari kelapan), *Karumaathi* (hari ke-16 atau ke-31) dan *Tivasam* (setahun).

Lebih mengembirakan ahli keluarga jika belahan kelapa tadi

mempunyai tombong kelapa di dalamnya kerana dipercayai sebagai simbol petanda baik. Sebaliknya, belahan kelapa yang menunjukkan keadaan dalamnya yang rosak pula dipercayai sebagai petanda yang tidak baik.

Kelapa juga mengiring upacara “membuang” panahan mata orang. Upacara ringkas ini mengambil tempat di kuil dan dipimpin oleh sami atau pedanda. Beberapa kapur barus dinyalakan di atas kelapa dan pembacaan mantera dilakukan oleh sami atau pedanda tersebut. Seterusnya, kelapa digerakkan tiga kali dalam susunan ikut arah jam dan tiga kali berikutnya mengikut lawan arah jam di hadapan orang yang meminta untuk dibuang panahan mata. Kemudiannya, individu tersebut diminta untuk memohon doa kepada Tuhan dan seterusnya menghempas kelapa di hadapan kuil pada batu atau bekas yang disediakan.

Selain itu, kelapa juga digunakan untuk membayar nazar. Bagi yang berdoa untuk membayar nazar dalam bentuk kelapa, maka perlu disempurnakan mengikut janji. Nazar dibayar dengan hempasangib kelapa mengikut bilangan yang dijanjikan. Membayar nazar dapat dilakukan secara peribadi di kuil

tertentu pada bila-bila masa mengikut kelapangan masing-masing



Pohon kelapa mempunyai pengaruh yang kuat dalam budaya kehidupan masyarakat India.

atau sempena perayaan tertentu bergantung kepada doa dan janji masing-masing. Ada yang membayar nazar dengan sebiji kelapa, sembilan biji malah terdapat juga yang membayar nazar hingga 108 biji kelapa. Membayar nazar secara besar-besaran banyak dilakukan sewaktu perayaan *Thaipusam*.

Dalam melakukan upacara sembahyang di kuil, kelapa menjadi satu daripada bahan penting yang diletakkan dalam dulang *archanai* serta bunga-bunga, sesikat pisang, buah-buahan (epal, oren dan anggur), sirih dan pinang. Kelapa juga mengisi dulang hantaran (*siirvarisai*) yang dibawa sewaktu majlis pertunangan dan perkahwinan. Maka itu, secara turun-temurun, buah kelapa mempunyai peranan yang besar bukan sahaja dalam konteks keagamaan, tetapi juga kebudayaan masyarakat India.

Sabut daripada kelapa pula pada satu masa dahulu tidak asing lagi dalam proses mencuci peralatan memasak dan pinggan mangkuk. Sabut dan abu dapur kayu kerap digunakan untuk mencuci periuk belanga yang menjadi kehitaman akibat memasak. Sabut juga digunakan untuk mencuci pinggan mangkuk dengan sabun. Di samping itu, sabut juga disatukan dengan asam jawa dan sedikit garam untuk mencuci barangan yang diperbuat daripada loyang dan gangsa yang telah pudar warna atau yang ada kesan hijau akibat proses pengoksidaan agar kembali berkilat tanpa kesan calar.

Selain sabut kelapa, tempurung kelapa (*kottankuchi*) juga mempunyai kegunaan kepada masyarakat India. Tempurung kelapa digunakan sebagai bekas menyimpan *drishti pottu*. *Drishti pottu* merupakan tanda

hitam yang diletakkan pada dahi dan pipi bayi dengan kepercayaan bahawa dapat mengelakkan panahan mata orang, selain melindungi bayi daripada sebarang tenaga negatif di sekitar bayi.

Satu lagi hasilan pohon kelapa yang membawa faedah kepada masyarakat India ialah kelapa muda. Masyarakat secara umum menggemari kelapa muda kerana rasanya yang manis dan begitu menyegarkan apabila diminum, terutamanya pada waktu panas. Bagi masyarakat India, kelapa muda mempunyai dua peranan lain yang besar dalam kehidupan. Yang pertama, kelapa muda digunakan bagi tujuan kesihatan, iaitu sebagai minuman yang dapat menyejukkan badan bagi seseorang yang mengalami demam campak. Yang kedua, dari aspek keagamaan, air kelapa muda digunakan sebagai satu daripada komponen air mandi untuk tujuan *abhishegam* (mandian dewa dewi) di kuil.

Menyingkap lagi kegunaan pohon kelapa, tidak dapat dinafikan bahawa daun kelapa, pucuk kelapa dan pelepah kelapa juga memberikan sumbangan besar kepada budaya kehidupan masyarakat India. Masyarakat India yang tinggal di ladang dan di kawasan luar bandar pada masa dahulu gemar mendapatkan daun kelapa untuk dijadikan penyapu lidi. Kewujudan pohon kelapa di sekitar rumah atau di lokasi petempatan mereka memudahkan usaha ini. Namun demikian, urbanisasi, migrasi, pembangunan dan tuntutan modenisasi telah banyak mengubah cara hidup dan keperluan penyapu lidi pada masa ini.

Pucuk kelapa pula

digunakan oleh masyarakat India untuk menghasilkan *Thoranam*, iaitu pucuk pelepah kelapa yang berwarna kuning dilipat khas mengikut tradisi lipatan. Pada kebiasaannya *Thoranam* digantung selang-seli dengan daun mangga di sekeliling *panthal* (khemah) sempena upacara adat, seperti majlis pertunangan dan perkahwinan. *Thoranam* juga menghiasi persekitaran kuil sempena perayaan dan majlis keagamaan. Malah, *thoranam* juga dapat dilihat penggunaannya pada kereta mayat yang membawa mayat ke tapak perkuburan.

Pelepah kelapa pula amat berguna untuk mendirikan *panthal*. Mendirikan *panthal* di luar rumah merupakan satu aspek yang penting sewaktu majlis pertunangan dan perkahwinan dalam kalangan masyarakat India. *Panthal* juga didirikan sempena perayaan utama yang diadakan di kuil. Sempena perayaan utama di kuil, *tanneer panthal* (khemah minuman) didirikan secara berasingan untuk membekalkan air minuman percuma kepada orang ramai.

Pada masa dahulu, *panthal* didirikan secara keseluruhannya dengan berbantuan kayu pokok yang berjenis keras dan pelepah kelapa yang subur dan hijau. Bagi tujuan ini, pelepah kelapa dibelah dua secara menegak dan setiap bahagian daunnya dianyam. Anyaman daun kelapa ini bertindak sebagai atap khemah dan digunakan

Thoranam yang diperbuat daripada pucuk kelapa.



Upacara membayar nazar secara besar-besaran dilakukan sewaktu perayaan Thaipusam.

untuk menghiasi sekeliling khemah. Namun demikian, selaras peredaran masa, *panthal* didirikan dengan struktur khemah besi atau kanopi, tetapi tetap dihias dengan anyaman pelepah kelapa dan gantungan *Thoranam*.

Selain itu, dalam masyarakat tradisional, pelepah kelapa yang subur dan hijau mempunyai peranan penting dalam upacara kematian. Dalam aspek ini, pelepah kelapa digunakan untuk menyediakan *paadai*, iaitu rangka usungan mayat. *Paadai* merupakan kaedah tradisional yang mengungkap konsep keranda. Dalam menyediakan *paadai*, pelepah daun kelapa dibelah dan dianyam kemas seterusnya diikat rapi pada batang buluh di kiri dan kanan menjadikannya pengusung. Selepas semua upacara adat disempurnakan untuk si mati, mayat ditempatkan di atas *paadai* dan diusung ke tapak perkuburan berdekatan. Namun demikian, pada masa ini, kemudahan keranda dan perkhidmatan kereta mayat telah menggantikan keperluan *paadai*.

Pelepah kelapa yang tua pula banyak menyumbang sebagai bahan bakar pada masa dahulu. Penggunaan dapur kayu yang diperbuat daripada batu bata dan dalam sesetengah situasi dilapikkan

dengan tanah liat dan memerlukan kayu sebagai bahan bakar utama merupakan senario kehidupan masa lampau. Memandangkan pelepah kelapa yang tua mudah diperolehi di persekitaran tempat tinggal, maka pelepah ini digunakan sebagai bahan bakar bagi tujuan memasak. Gambaran tradisional dapur kayu, selain penggunaan kayu dan pelepah kelapa sebagai bahan bakar, hanya tinggal kenangan pada hari ini akibat perkembangan zaman.

Pokok kelapa juga mempunyai kaitan dengan penghasilan todi yang dipanggil *kallu*. Todi diperolehi dengan menghiris mayang muda dan nira yang dihasilkan ditadai menggunakan periuk tanah liat. Pada kebiasaannya, periuk tersebut digantung semalaman dan diturunkan dari pokok pada pagi berikutnya. Proses penapaian menukarkan nira kepada todi dengan peningkatan kandungan alkohol yang menjadikannya masam dan mudah memabukkan.

Penempatan masyarakat India di ladang getah oleh British dahulu mendorong perkembangan dan penghasilan todi. Amalan minum todi menjadi agenda aktiviti sosial bagi masyarakat ladang bagi melepaskan tekanan dan keletihan, dipermudahkan akses dengan adanya kedai

todi. Amalan ini menjadi satu ketagihan apabila tidak dikawal. British tidak menghalang perkembangan ini kerana ketagihan digunakan sebagai satu strategi untuk melentur pekerja ladang dalam kawalan mereka. Walau bagaimanapun, pada masa ini, pengambilan todi tidak popular dalam kalangan masyarakat India akibat peningkatan generasi muda dan pengurangan generasi lama.

Justeru itu, pohon kelapa mempunyai sumbangan yang tidak terhingga nilainya dalam kehidupan masyarakat India. Pohon kelapa juga membekalkan pelbagai sumber keperluan tidak kira dari aspek fizikal mahupun spiritual dalam menjamin kelangsungan hidup masyarakat ini. Walaupun terdapat elemen tertentu yang memperlihatkan perubahan dari segi amalan melangkaui masa, namun diterima secara kolektif selaras perkembangan zaman.

Pada masa yang sama, perubahan ini tidak memberikan kesan terhadap keseluruhan amalan hidup, selain aplikasi budaya dan tradisi yang diwarisi turun-temurun. Sehubungan dengan itu, masyarakat India tetap mempunyai pergantungan yang tinggi dan berterusan terhadap pohon serba guna ini. DB